HOTEL HONG KONG DISNEYLAND RESORT



Hong Kong Disneyland Resort

Hong Kong Disneyland Resort menawarkan pengalaman Disney dengan budaya tersendiri dan menjadi kenangan untuk Tetamu bagi semua peringkat umur dan bangsa. Di tujuh kawasan bertema di Taman Tema ini, terdapat lebih daripada 100 pusat tarikan dan tawaran hiburan untuk dinikmati. Tetamu juga boleh menikmati pelbagai pilihan membeli-belah dan makanan bertaraf dunia untuk melengkapi kunjungan penuh kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Gandakan keajaiban pengembaraan anda dengan menginap di hotel-hotel mewah Disney di Resort kami! Hong Kong Disneyland Resort menawarkan pilihan penginapan yang luar biasa menakjubkan untuk Tetamu dari seluruh dunia, dan setiap hotel mempunyai tema yang tersendiri. Para Tetamu boleh menginap di **Hong Kong Disneyland Hotel** yang bertemakan ala zaman Victoria, **Disney Explorers Lodge** yang bertemakan pengembaraan atau **Disney's Hollywood Hotel** yang bertemakan Dekorasi Seni klasik.







Hong Kong Disneyland Hotel

Temui ketenangan di istana Victoria yang tersergam indah di tepian pantai Laut China Selatan. Nikmati hidangan dari seluruh dunia, rehatkan diri anda di tepi kolam dengan minuman koktel atau terokai taman pagar sesat berbentuk Mickey Mouse. Dengan menyediakan penginapan hebat berserta kemudahan moden dan ditambah dengan muzik secara langsung, seni reka bentuk tersergam ini menggabungkan keindahan resort tepian pantai vintaj dengan sentuhan ajaib Disney.

Disney Explorers Lodge

Diilhamkan untuk konsep penerokaan, Disney Explorers Lodge mengajak para Tetamu memasuki dunia baharu yang penuh dengan penemuan, alam semula jadi dan budaya eksotik. Hotel ini mempunyai empat taman yang berbeza, berserta dengan restoran bertema, kedai dan kolam renang terbuka, ia akan menarik semangat pengembaraan buat semua dan juga keinginan para Tetamu antarabangsa yang dahagakan pengalaman eksotik. Tetamu dari seluruh dunia boleh menginap di hotel ini dan mereka boleh menjadi peneroka, dengan moto penginapan “ad explorare et somniare” (untuk meneroka dan bermimpi).

Disney's Hollywood Hotel

Selubungi diri anda dengan kemewahan dan glamor Hollywood klasik di hotel ini. Jangan lupa beramah mesra dengan Mickey Mouse sambil menjamu hidangan bufet antarabangsa, bersantai di kolam berbentuk piano atau bersiar di taman bunga dipenuhi dengan kereta vintaj dan mercu tanda terkenal. Menggabungkan reka bentuk Dekorasi Seni terkini dengan sentuhan ajaib Disney, Disney's Hollywood Hotel menjadikan anda seorang bintang apabila anda menginap di sini.

Sorotan Hotel Resort dan Kemudahan Seimbas Lalu

	Hong Kong Disneyland Hotel	Disney Explorers Lodge	Disney's Hollywood Hotel
Sorotan	• Keanggunan Zaman Victoria Agung • Menjamu Selera bersama Watak Disney di Restoran Enchanted Garden • Pagar Sesat Mickey • Kolam Renang Tertutup dan Terbuka • Kemudahan Mesyuarat dan Program Insentif yang Menarik • Aktiviti Rekreasi	• Semangat Penerokaan • Menjamu Selera bersama Watak Disney di Restoran Dragon Wind dan World of Color • Kolam Renang Terbuka • Empat Taman Bertema • Aktiviti Rekreasi	• Gaya Hollywood Klasik dari era Awal 1920-an • Menjamu Selera bersama Watak Disney di Chef Mickey • Kolam Renang Terbuka Berbentuk Piano dan Gelongsor Air • Hiasan Kereta Antik • Aktiviti Rekreasi
Bilik Tetamu	• 400 Bilik Tetamu • 35 Meter Persegi • 2 Katil Berkembar atau 1 Katil Saiz King	• 750 Bilik Tetamu • 34 Meter Persegi, dengan Singki Gaya Terbuka • 2 Katil Saiz Queen	• 600 Bilik Tetamu • 29 Meter Persegi • 2 Katil Berkembar atau 1 Katil Saiz King
	Bilik tetamu boleh menempatkan sehingga 4 orang dengan selesa		

Dekorasi Bilik Bertemakan Disney

Berikan kejutan kepada keluarga atau rakan dan jadikan penginapan anda di Hong Kong Disneyland Hotel lebih bermakna dengan alatan dekorasi bilik*.

* Kos tambahan dikenakan



Keistimewaan Eksklusif untuk Tetamu Hotel

Tetamu yang menginap di Hotel Resort boleh menikmati pelbagai keistimewaan eksklusif, termasuk:

- **Pas Masuk Keutamaan Pusat Tarikan dan Keistimewaan Tempahan Persembahan**
  Setiap bilik akan mendapat Pas Keutamaan untuk pusat tarikan tertentu (jumlah Pas Keutamaan berbeza, bergantung kepada jumlah hari penginapan dan jenis bilik), termasuk pusat tarikan popular seperti **Iron Man Experience** dan **Hyperspace Mountain**; di samping itu, menginap di jenis bilik tertentu juga akan mendapat Pas Keutamaan untuk "**Festival of the Lion King**" atau "**Mickey and the Wondrous Book**". (Tertakluk kepada Terma dan Syarat*)
- **Keutamaan Pintu Masuk Taman Tema**
  Nikmatilah kemudahan pintu masuk Taman Tema yang dikhaskan.
- **Kemudahan Rekreasi dan Aktiviti di Tiga Buah Hotel**
  Nikmatilah kemudahan rekreasi yang direka khas dan aktiviti# menyeronokkan daripada tiga hotel tanpa bayaran tambahan.
- **Perkhidmatan Bungkusan Ekspres**
  Beli cenderamata anda dan dapatkan penghantaran ke mana-mana hotel Hong Kong Disneyland, tanpa caj tambahan.

* Tertakluk kepada ketersediaan. Pusat tarikan dan persembahan boleh ditunda atau dibatalkan tanpa sebarang notis awal.

Tertakluk kepada ketersediaan dan keadaan cuaca. Semua aktiviti tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal.

WiFi Akses internet tanpa wayar percuma disediakan di dalam semua bilik Tetamu dan di kebanyakan kawasan awam di Hong Kong Disneyland Hotel, Disney Explorers Lodge dan Disney's Hollywood Hotel.

Petua Mickey!

Muat turun aplikasi mudah alih rasmi untuk Hong Kong Disneyland! Layari peta, lihat jadual dan banyak lagi!

Daftar untuk berita Hong Kong Disneyland Resort Travel Trade!

Muat turun risalah jualan terkini Hong Kong Disneyland untuk maklumat lanjut!


Daftar masuk secara dalam talian sebelum menginap di hotel Disney. Apabila anda tiba di hotel, jimatkan masa dan elakkan kerumitan dengan menggunakan baris gilir daftar masuk ekspres dan memberikan anda lebih banyak masa untuk menikmati aktiviti hotel dan pengembaraan taman tema yang menarik.

© Disney ©2018 MARVEL
Maklumat ini adalah untuk rujukan umum sahaja. Maklumat ini disahkan betul pada November 2018, tetapi tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

HONG KONG DISNEYLAND HOTEL



Temui ketenangan di istana Victoria yang tersergam indah di tepian pantai Laut China Selatan. Nikmati hidangan dari seluruh dunia, rehatkan diri anda di tepi kolam dengan minuman koktel atau terokai taman pagar sesat berbentuk Mickey Mouse. Dengan menyediakan penginapan hebat berserta kemudahan moden dan ditambah dengan muzik secara langsung, seni reka bentuk tersergam ini menggabungkan keindahan resort tepian pantai vintaj dengan sentuhan ajaib Disney.



Bilik Tetamu dan Suite

Hotel 400 bilik ini terdiri daripada Bilik Standard, Bilik Deluxe, Bilik Sea View, Bilik Sea View dengan Balkoni, Bilik Kingdom Club di tingkat eksekutif, Suite Kingdom bertemakan Disney dan Suite Presiden (Suite Walt Disney dan Suite Roy O. Disney). Semua bilik bercirikan kelengkapan yang menggabungkan corak dan warna tradisional zaman Victoria dengan kemudahan moden yang terkini.



Bilik Standard



Bilik Sea View dengan Balkoni



Suite Kingdom Club



Suasana Eksklusif - Hanya di Kingdom Club

Terkenal dengan perkhidmatan popular serta layanan mesra, Kingdom Club memberikan tahap layanan peribadi yang tertinggi semasa penginapan anda di tingkat eksekutif. Dengan juadah percuma, bantuan serta perkhidmatan peribadi dan pilihan aktiviti yang meluas untuk disertai, Kingdom Club ialah penginapan paling sesuai bagi percutian yang ajaib di Hong Kong Disneyland Resort.

Sesuai untuk semua peringkat umur! Berikan layanan bertaraf diraja kepada putera dan puteri anda dengan aktiviti yang direka khas serta Bedtime Story.

Suite Frozen Kingdom Club

Dengan hiasan hasil seni dan dekorasi yang berinspirasi Frozen, serta kelengkapan eksklusif, pengalaman unik yang ulung di Hong Kong Disneyland Resort ini merealisasikan fantasi Frozen kepada setiap tetamu tak kira usia. Tempahlah penginapan di Suite Frozen untuk mengalami kisah Frozen anda sendiri!







Riadah dan Rekreasi

Hong Kong Disneyland Hotel menyediakan pilihan kemudahan riadah dan rekreasi yang banyak menjadikan penginapan anda benar-benar ajaib!

- **Pagar sesat botani diinspirasikan oleh Mickey (Pagar Sesat Mickey)**
- **Kolam renang panas tertutup**
- **Kolam renang terbuka bercirikan gelongsor air**
- **Pusaran air terbuka**
- **Pusat kecergasan**
- **Gelanggang tenis dan gelanggang pelbagai guna**



Aktiviti Rekreasi

Tetamu Hotel boleh mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti seperti


- **Tai Chi bersama Master Goofy**
- **Seni & Kraf Rekreasi**
- **Masa Bermain Disney**
- **Masa Bercerita Disney**





Butik Bibbidi Bobbidi

Dalam salon ajaib yang diinspirasikan oleh Cinderella, Butik Bibbidi Bobbidi yang terletak di hotel menawarkan pengalaman yang tidak mungkin dilupakan apabila gadis cilik berubah menjadi Puteri Disney kegemaran mereka lengkap dengan kostum Puteri, solekan berkilauan, dandanan rambut serta tatarias kuku dan lebih banyak lagi aksesori bergemerlapan bak seorang Puteri. Keajaiban tidak lengkap tanpa sesi foto eksklusif bagi mengabadikan kecantikan dan keanggunan seorang Puteri yang mereka boleh jadikan kenangan buat selama-lamanya.



Membeli-belah - Kingdom Gifts

Terletak di tingkat bawah di hadapan lobi utama, kedai tersebut menawarkan semua cita rasa dengan pelbagai pilihan barangan.



Restoran Enchanted Garden



Crystal Lotus



Dim Sum Disney

Restoran

Restoran Enchanted Garden Nikmati pelbagai pilihan juadah sambil dikelilingi keanggunan seni reka zaman Victoria. Restoran ala bufet dibuka setiap hari untuk sarapan dan makan malam, dan menawarkan pelbagai pilihan masakan Asia, Cina dan Barat. Watak Disney akan menggembirakan setiap meja yang dilawati dengan kunjungan istimewa serta detik foto yang diabadikan.

Crystal Lotus merupakan restoran menjamu selera mewah yang menawarkan hidangan yang memenangi anugerah. Restoran ini menawarkan hidangan Cina dan Dim Sum Disney yang direka khusus juga tersedia!

Walt's Cafe Menawarkan pelbagai pilihan hidangan untuk sarapan, makan tengah hari, makan malam dan pencuci mulut di waktu malam, Walt's Cafe menampilkan hidangan istimewa yang diinspirasikan oleh kegemaran dari era Walt.

Sea Breeze Bar Nikmati hidangan ringan bercirikan Eropah atau koktel kegemaran anda semasa anda bersantai di bar pinggir kolam serba lengkap yang sesuai untuk majlis terbuka.

Perkhidmatan Bilik Perkhidmatan bilik 24 jam untuk Tetamu hotel.

Makanan halal disediakan mengikut permintaan. Untuk butiran dan pertanyaan, sila hubungi ahli watak kami.

© Disney
Maklumat ini adalah untuk rujukan umum sahaja. Maklumat ini disahkan betul pada November 2018, tetapi tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.